



مجلس بندياري قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (78)**

Tarikh : 23 APRIL 2022

MAJLIS IFTAR RAMADHAN, PETALING JAYA BERTARAWIH 2022

Buat julung kalinya Majlis Bandaraya Petaling Jaya menganjurkan Majlis Iftar Ramadhan, Petaling Jaya Bertarawih yang di hadiri hampir 1,000 pengunjung bertempat di Laman MBPJ dan Dataran Boulevard, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif MBPJ untuk meraikan komuniti Petaling Jaya khususnya yang beragama Islam untuk mengimarahkan lagi ibadah di bulan Ramadhan di samping mengeratkan hubungan silaturrahim antara Majlis dan masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Majlis Berbuka Puasa Bersama Komuniti dan Kakitangan MBPJ dan menunaikan solat berjemaah (Mahgrib, Isyak & Tarawih).

Dalam pada itu, Prihatin dengan golongan kurang bernasib baik, MBPJ pada hari ini telah menyampaikan Sumbangan Aidilfitri kepada 150 orang anak-anak yatim dari kalangan penduduk dan anak kakitangan MBPJ. Sumbangan diberi adalah berbentuk wang tunai berjumlah RM 150.00 dan peralatan sekolah seperti beg, alat tulis serta biskut raya. Sumbangan ini turut mendapat tajaan daripada THETA EDGE BERHAD.

MBPJ turut menyampaikan sumbangan kepada golongan B40 yang berdaftar dalam program Pembasmian Komuniti Bandar yang berpendapatan RM 2,000.00 kebawah terutamanya dalam kalangan ibu tunggal, warga emas, dan keluarga yang mempunyai tanggungan anak ramai untuk menyambut sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Sumbangan telah diberikan kepada 60 buah keluarga dengan masing-masing menerima bantuan wang tunai berjumlah RM 250.00 beserta biskut raya dan sejadah.

Penganjuran program ini adalah untuk meraikan golongan berkenaan disamping mengambil peluang melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan dalam bulan Ramadhan. Penganjuran majlis itu merupakan program tahunan dan juga sebahagian tanggungjawab sosial korporat MBPJ dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.



Program ini bersesuaian dengan agenda Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan @ PJSSR2030 yang *Inclusive City* kepada semua golongan mengambilkira keperluan dan penglibatan semua peringkat masyarakat.

Majlis penyampaian sumbangan telah disampaikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs Tuan Mohamad Azhan bin Md. Amir. Beliau turut menyerahkan bahan publisiti Program Pengimarahkan Masjid sempena Sambutan Ulangtahun Bandaraya Petaling Jaya ke-16 kepada wakil-wakil pengurusan Masjid di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya